



PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 29 Mei 2014

Bil. 2/2014

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

PENSTRUKTURAN SEKOLAH KEPADA FAKULTI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan warga UMS berkenaan penstrukturan Sekolah kepada Fakulti di UMS.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 **Mesyuarat Lembaga Pengarah UMS Kali Ke-58 (Bil.1/2014)** yang bersidang pada **16 Januari 2014** telah bersetuju meluluskan penstrukturan semula Sekolah kepada Fakulti di UMS.
- 2.2 Cadangan penstrukturan tersebut seterusnya telah dikemukakan ke Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat dalam rangka rujukan JPT(A)1000/021/006/01(1) bertarikh 31 Mac 2014 telah bersetuju **meluluskan** Penstrukturan Semula Kepada Fakulti di UMS seperti berikut:

BIL.	SEKOLAH	FAKULTI	SINGKATAN
1.	Sekolah Sains dan Teknologi	Fakulti Sains dan Sumber Alam	FSSA
	Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa		
2.	Sekolah Sains Sosial	Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan	FKSW
	Sekolah Pengajian Seni		
3.	Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial	Fakulti Psikologi dan Pendidikan	FPP
	Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial		
4.	Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat	Fakulti Kejuruteraan	FKJ
5.	Sekolah Sains Informatik Labuan	Fakulti Komputeran dan Informatik	FKI
6.	Sekolah Pertanian Lestari	Fakulti Pertanian Lestari	FPL
7.	Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan	Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan	FSMP
8.	Sekolah Perniagaan dan Ekonomi	Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan	FPEP

BIL.	SEKOLAH	FAKULTI	SINGKATAN
9.	Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan	Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan	FKAL
10.	Sekolah Perubatan	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	FPSK

- 2.3 Seperti dimaklumi dalam Majlis Pengisytiharan Fakulti UMS pada 6 Mei 2014, tarikh kuat kuasa penstrukturan semula Sekolah kepada Fakulti di Universiti Malaysia Sabah adalah pada **01 Jun 2014**.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Selaras dengan penstrukturan semula ini, penggunaan nama Fakulti hendaklah digunakan bagi menggantikan nama Sekolah dalam semua urusan dan dokumen rasmi Universiti.
- 3.2 Dokumen rasmi Universiti seperti kepala surat/ memo/ sampul surat/ fail/fax/ kad jawatan (*business card*) dan semua bahan publisiti untuk aktiviti dan program rasmi Universiti hendaklah menggunakan nama Fakulti dengan mengikut rekabentuk yang telah dipersetujui (Pekeliling Pendaftar Bil.8/2013: Garis Panduan Penggunaan Logo dan Citra Organisasi di UMS).

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada **01 Jun 2014**.

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,


NO'MAN DATUK HJ. AHMAD

Pemangku Pendaftar

Tarikh : 29 Mei 2014

- s.k. ☞ Naib Canselor
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
☞ Fail